



## **GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 2 TAHUN 2023**

### **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

## **PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0**

### **1. PENGENALAN**

- 1.1. Garis panduan ini menetapkan prosedur pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 ke atas pembayar cukai yang layak berikutan Pembentangan Bajet 2023 yang diumumkan oleh Menteri Kewangan Malaysia pada 24 Februari 2023.
  
- 1.2. PKPS 2.0 merupakan inisiatif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk menyokong rukun pemampanan dalam pentadbiran perculaian negara seiring dengan konsep Malaysia Madani. Program yang ditawarkan ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai mereka berteraskan konsep AES (*Awareness, Education, Service*) yang diamalkan di LHDNM.
  
- 1.3. PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta menggalakkan pembayar cukai membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan.

- 1.4. PKPS 2.0 ini turut memfokuskan kepada penyertaan pembayar cukai baharu dalam melaporkan pendapatan kepada LHDNM selaras dengan pelaksanaan pengenalan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) mulai tahun 2023, yang mana seramai 7.8 juta individu warganegara dan pemastautin tetap diberikan TIN secara automatik. Sehubungan itu, pembayar cukai baharu perlu mengambil peluang ini untuk menyertai PKPS 2.0 sekiranya belum melaporkan pendapatan yang sepatutnya mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. Program ini diharap dapat membantu pembayar cukai dalam memenuhi tanggungjawab mereka kepada negara.
- 1.5. Dalam usaha kerajaan menyokong pertumbuhan ekonomi digital, kerajaan melalui pembentangan Bajet 2023 telah memperkenalkan pelaksanaan e-Invois secara berperingkat mulai akhir tahun 2023 dalam memastikan kecekapan pengurusan pentadbiran percukaian negara. Sehubungan itu, pembayar cukai disaran untuk mengambil peluang mengemas kini kedudukan pelaporan cukai dengan menyertai PKPS 2.0 sebelum pelaksanaan sepenuhnya e-Invois.
- 1.6. PKPS 2.0 ini melibatkan pengakuan sukarela berserta bayaran yang dibuat dalam tempoh untuk:
  - 1.6.1. Melaporkan pendapatan yang tidak pernah dilaporkan / terkurang lapor, perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih tuntut / tidak dibenarkan, pelepasan / potongan / rebat yang terlebih tuntut dan elaun modal / insentif yang terlebih tuntut;
  - 1.6.2. Melaporkan pelupusan aset (harta tanah dan syer dalam syarikat harta tanah) yang tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; dan

- 1.6.3. Penyeteman dokumen / perjanjian yang tidak disetem dalam tempoh yang dibenarkan.

## **2. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- 2.1. Memberi penjelasan berhubung kaedah pelaksanaan PKPS 2.0;
- 2.2. Memberi makluman mengenai tempoh PKPS 2.0 dan tawaran pengurangan penalti / surcaj; dan
- 2.3. Menetapkan peraturan bayaran yang berkaitan dengan pengakuan sukarela.

## **3. PERUNTUKAN AKTA**

Peruntukan akta yang dirujuk bagi pengecualian penalti / surcaj di bawah PKPS 2.0 adalah seperti berikut:

- 3.1. Subseksyen 112(3), 113(2) dan 140A(3C) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967);
- 3.2. Subseksyen 29(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976); dan
- 3.3. Subseksyen 47A(1) Akta Setem 1949 (AS 1949).

## **4. TEMPOH PELAKSANAAN**

Tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 adalah mulai 06 Jun 2023 sehingga 31 Mei 2024.

## 5. PELAKSANAAN

- 5.1. PKPS 2.0 ini ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai kecuali kategori fail majikan.
- 5.2. Pengakuan sukarela boleh dibuat oleh pembayar cukai atau pembayar duti bagi situasi berikut:
  - 5.2.1. Pembayar cukai baharu yang belum pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi telah memulakan perniagaan atau mempunyai pendapatan / melupuskan aset.**
    - a. Pembayar cukai baharu bagi maksud PKPS 2.0 adalah pembayar cukai yang masih belum atau telah mempunyai TIN dan pertama kali melaporkan pendapatan.
    - b. Pembayar cukai perlu membuat semakan TIN secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Daftar di Portal MyTax. Sekiranya belum mempunyai TIN, pendaftaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Daftar di Portal MyTax atau di mana-mana kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.
    - c. Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 dengan melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai / pelupusan aset yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa, sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau BNCP / BNCKHT manual.

**5.2.2. Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi terdapat BNCP / BNCKHT yang tidak dikemukakan bagi mana-mana tahun taksiran yang lain.**

BNCP / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 dengan melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai / pelupusan aset yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau BNCP / BNCKHT manual.

**5.2.3. Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi mempunyai pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan.**

- a. Pembayar cukai perlu mengemukakan pengakuan sukarela dalam tempoh PKPS 2.0, melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM <https://www.hasil.gov.my> / MyTax dengan menggunakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 (**Lampiran 1**) dan melampirkan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.
- b. Pembayar cukai yang membuat pengakuan sukarela untuk isu-isu harga pindahan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 perlu mengisi Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan (**Lampiran 2**).

**5.2.4. Pembayar duti yang tidak membuat penyeteman dokumen / perjanjian dalam tempoh penyeteman yang dibenarkan.**

Pembayar duti yang mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024 layak menyertai PKPS 2.0. Dokumen / perjanjian perlu dikemukakan melalui Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) untuk penyeteman di <https://stamps.hasil.gov.my/>.

5.3. Kaedah pengemukaan BNCP / BNCKHT, Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0, Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan dan kaedah penyeteman dokumen / perjanjian adalah seperti berikut:

5.3.1. Pengemukaan **BNCP wajib** dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan **e-Filing** di Portal MyTax bagi BNCP yang telah tersedia dan boleh diakses secara dalam talian mengikut tahun taksiran.

5.3.2. Bagi BNCP yang sudah tidak boleh diakses secara dalam talian, pengemukaan BNCP manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran. BNCP manual boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi LHDNM.

5.3.3. Pengemukaan BNCKHT digalakkan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-CKHT di Portal MyTax.

5.3.4. BNCKHT manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pelupus atau ke Pejabat

LHDNM yang berhampiran. BNCKHT manual boleh dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi LHDNM.

- 5.3.5. Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi LHDNM / MyTax. Borang yang telah lengkap diisi berserta pengiraan cukai perlu dikemukakan melalui Portal MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.
  - 5.3.6. Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi LHDNM. Borang yang telah lengkap diisi berserta lampiran perlu dikemukakan kepada Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran.
  - 5.3.7. Penyeteman dokumen / perjanjian wajib dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan STAMPS di Portal MyTax.
- 5.4. Permohonan PKPS 2.0 akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan PKPS 2.0 kecuali bagi kes yang melibatkan isu harga pindahan.

Bagi kes yang melibatkan isu harga pindahan, permohonan PKPS 2.0 akan diproses dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan PKPS 2.0.

5.5. PKPS 2.0 **terpakai** kepada:

- 5.5.1. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai baharu bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.
- 5.5.2. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai sedia ada bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.
- 5.5.3. Pelaporan pelupusan aset bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.
- 5.5.4. Penyeteman dokumen / perjanjian bagi perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.
- 5.5.5. Pengakuan sukarela yang menyebabkan taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan ke atas pembayar cukai kecuali bagi kes harga pindahan.
- 5.5.6. Pengakuan sukarela untuk isu-isu harga pindahan yang mana pengendalian pengakuan sukarela ini tertakluk kepada Kriteria dan Prosedur Pengakuan Sukarela Kes-Kes Harga Pindahan seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Audit Harga Pindahan yang sedang berkuat kuasa.

Sebarang pelarasan harga pindahan yang terbit daripada pengakuan sukarela untuk isu-isu harga pindahan di bawah PKPS 2.0 boleh dikenakan surcaj di bawah subseksyen 140A(3C), ACP 1967 walaupun tiada taksiran tambahan dibangkitkan.

- 5.6. PKPS 2.0 ini **tidak terpakai** kepada pengakuan sukarela yang melibatkan kes:
  - 5.6.1. **Tindakan audit** ke atas pembayar cukai telah bermula bagi tahun-tahun taksiran yang terlibat;
  - 5.6.2. Tidak kena cukai, taksiran kurangan atau cukai kena dibayar balik (*repayment*) kecuali bagi kes harga pindahan; atau
  - 5.6.3. **Tindakan siasatan** telah dimulakan atau prosiding pendakwaan susulan daripada siasatan telah difaiklan di mahkamah berdasarkan peruntukan di bawah ACP 1967, ACKHT 1976, AS 1949 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
- 5.7. Pembayar cukai hendaklah memastikan pengakuan sukarela yang dibuat adalah **tepat dan teratur** selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira **kesemua** pendapatan yang boleh dikenakan cukai.
- 5.8. Semua pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun ke belakang akan dicukai dalam tahun taksiran yang sepatutnya sepertimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang percukaian.
- 5.9. LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh PKPS 2.0 dengan suci hati. Walau bagaimanapun, **semakan pengiraan cukai** (*mathematical / calculation error*) akan dilakukan bagi memastikan ketepatan pengakuan sukarela yang dikemukakan.

5.10. Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat. Walau bagaimanapun tindakan audit / siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat bagi keadaan berikut:

- a. Jika pengakuan sukarela yang dibuat hanya melibatkan isu bukan harga pindahan dan didapati wujud risiko harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil ke atas isu harga pindahan tersebut dan sekiranya pengakuan sukarela dibuat hanya melibatkan isu harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil ke atas isu selain harga pindahan.
- b. Bayaran cukai atas pengakuan sukarela gagal dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

5.11. Bagi kes yang mana **taksiran anggaran** telah dibangkitkan:

5.11.1. Sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNCKHT dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela;

5.11.2. Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan sepetimana yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 7/2020 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai.

5.12. Kadar penalti / surcaj pengakuan sukarela adalah seperti berikut:

<b>Kategori Pengakuan Sukarela</b>	<b>Penalti / Surcaj</b>	<b>Kaedah Pelaksanaan</b>	<b>Tempoh PKPS 2.0 (06.06.2023 – 31.05.2024)</b>
<b>Pembayar cukai baharu</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subseksyen 112(3) ACP 1967</li> <li>• Subseksyen 140A(3C) ACP 1967</li> <li>• Subseksyen 29(3) ACKHT 1976</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semak Nombor Pengenalan Cukai (TIN).</li> <li>• Jika tiada, daftar melalui e-Daftar.</li> <li>• Kemukakan BNCP / BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan.</li> </ul>	0%
<b>Pembayar cukai sedia ada dan tidak mengemukakan BNCP / BNCKHT bagi mana-mana tahun taksiran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subseksyen 112(3) ACP 1967</li> <li>• Subseksyen 140A(3C) ACP 1967</li> <li>• Subseksyen 29(3) ACKHT 1976</li> </ul>	Kemukakan BNCP / BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan.	0%
<b>Pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan dengan tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa bagi mana-mana tahun taksiran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subseksyen 113(2) ACP 1967</li> <li>• Subseksyen 140A(3C) ACP 1967</li> </ul>	Muat turun Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM / MyTax.	0%

Kategori Pengakuan Sukarela	Penalti / Surcaj	Kaedah Pelaksanaan	Tempoh PKPS 2.0 (06.06.2023 – 31.05.2024)
Pembayar duti yang <b>mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 1 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.</b>	• Subseksyen 47A(1) AS 1949	Pembayar duti perlu mengemukakan dokumen / perjanjian untuk disetemkan melalui STAMPS. Selepas mendapat Notis Taksiran, permohonan rayuan penalti perlu dikemukakan melalui STAMPS bagi melayakkan tawaran penalti di bawah PKPS 2.0	0%

- 5.13. Syarat-syarat pengakuan sukarela dan penalti / surcaj yang dikenakan di bawah PKPS 2.0 ini adalah muktamad.

## 6. KADAR PENALTI / SURCAJ SELEPAS TEMPOH PKPS 2.0

Kadar penalti / surcaj selepas PKPS 2.0 adalah seperti berikut:

- 6.1. Pembayar cukai yang gagal mengemukakan BNCP / BNCKHT boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 / subseksyen 29(3) ACKHT 1976 berdasarkan ketetapan yang sedang berkuat kuasa.
  
- 6.2. Pembayar cukai yang tidak melaporkan pendapatan yang tepat dan teratur boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 berdasarkan ketetapan yang sedang berkuat kuasa.

- 6.3. Pembayar cukai yang tidak mematuhi prinsip harga selenggar dalam melaksanakan transaksi terkawal dengan syarikat berkaitan boleh dikenakan kadar surcaj di bawah subseksyen 140A (3C) ACP 1967 berdasarkan ketetapan yang sedang berkuat kuasa.
- 6.4. Pembayar duti yang lewat mengemukakan dokumen / perjanjian untuk penyeteman akan dikenakan penalti di bawah subseksyen 47A(1) AS 1949.

## 7. PERATURAN BAYARAN

Peraturan bayaran bagi pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 adalah seperti berikut:

- 7.1. Pembayar cukai hendaklah menjelaskan bayaran cukai seperti berikut:
  - a. Secara sekali gus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis; atau
  - b. Secara ansuran berdasarkan aturan bayaran ansuran yang dipersetujui. Bayaran ansuran dibenarkan untuk dibuat sehingga 31 Mei 2024 tanpa perlu mengemukakan dokumen sokongan.
- 7.2. Jika pembayar cukai gagal menjelaskan bayaran cukai dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Sekiranya tunggakan cukai masih tidak dibayar, tindakan undang-undang boleh diambil dan pembayar cukai boleh diaudit / disiasat di masa hadapan bagi tahun taksiran pengakuan sukarela dibuat.

- 7.3. Pembayar duti yang menyertai PKPS 2.0 ini perlu membuat bayaran duti setem seperti yang ditetapkan pada Notis Taksiran mengikut tempoh yang dibenarkan dalam Surat Kelulusan Rayuan Penalti.

## **8. CARTA ALIR**

Carta alir pelaksanaan PKPS 2.0 adalah seperti di **Lampiran 3**.

## **9. HUBUNGI KAMI**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai PKPS 2.0 ini, sila hubungi:

- 9.1 HASiL Live Chat;
- 9.2 Hasil Care Line LHDNM di talian 03-8911 1000 atau 603-8911 1100 (luar negara); atau
- 9.3 Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**22 OGOS 2023**

**LAMPIRAN 1**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
**BORANG PELAPORAN PERTAMBAHAN PENDAPATAN PKPS 2.0**  
**06.06.2023 HINGGA 31.05.2024**

MAKLUMAT ASAS			
1	Nama Individu / Syarikat		
2	No. Pengenalan Cukai (TIN) / No. Cukai Pendapatan	3	No. Rujukan ( No. Pendaftaran / No.Pengenalan / No.Pasport didaftar dengan LHDNM)
PELAPORAN PENDAPATAN			
PUNCA PENDAPATAN		TAHUN PENDAPATAN DITERIMA	RM
<b>1. PENDAPATAN PENGGAJIAN</b>			
Pendapatan Penggajian 1			
<b>2. PENDAPATAN PERNIAGAAN</b>			
Pendapatan Perniagaan 1			
<b>3. PENDAPATAN PERKONGSIAN</b>			
Pendapatan Perkongsian 1			
<b>4. PENDAPATAN SEWA</b>			
Pendapatan Sewa 1			
<b>5. PENDAPATAN FAEDAH</b>			
Pendapatan Faedah 1			
<b>6. PENDAPATAN DISKAUN</b>			
Pendapatan Diskaun 1			
<b>7. PENDAPATAN ROYALTI</b>			
Pendapatan Royalti 1			
<b>8. PENDAPATAN PREMIUM</b>			
Pendapatan Premium 1			
<b>9. PENDAPATAN PENCEN</b>			
Pendapatan Pencen 1			
<b>10. PENDAPATAN ANUITI</b>			
Pendapatan Anuiti 1			
<b>11. PENDAPATAN LAIN</b>			
<b>12. PERBELANJAAN / TUNTUTAN LAIN YANG TERLEBIH TUNTUT / TIDAK DIBENARKAN</b>			
<b>13. PELEPASAN / POTONGAN / REBAT YANG TERLEBIH TUNTUT</b>			
<b>14. ELAUN MODAL / INSENTIF YANG TERLEBIH TUNTUT</b>			
AKUAN			
Saya		No. Pengenalan / No. Pasport	

dengan ini mengakui bahawa maklumat mengenai pengakuan sukarela atas pendapatan / pendapatan tambahan / perbelanjaan / tuntutan lain / pelepasan / potongan / rebat / elaun modal / insentif yang dilaporkan dalam borang ini di bawah Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 adalah benar, betul dan lengkap.

Jawatan

Tandatangan

Tarikh



Nota:

1. Pendapatan yang dilaporkan hendaklah merujuk kepada jumlah pendapatan bersih setelah mengambil kira perbelanjaan yang dibenarkan untuk tujuan cukai.
2. Sila tambah ruangan sekiranya terdapat tambahan pendapatan / perbelanjaan / tuntutan lain / pelepasan / potongan / rebat / elaun modal / insentif dan tahun pendapatan diterima / tahun terlibat.
3. Sila nyatakan jenis perbelanjaan / tuntutan lain / pelepasan / potongan / rebat / elaun modal / insentif yang terlebih tuntut.
4. Pembayar cukai syarikat, perniagaan dan perkongsian perlu mengemukakan pengiraan cukai bagi pelaporan pengakuan sukarela yang dibuat.

**PENAFIAN: Penerimaan PKPS 2.0 adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.**



**LAMPIRAN 3**

**CARTA ALIR PELAKSANAAN  
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0**

